



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SABTU, 6 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>JENAZAH RAKYAT SARAWAK MENINGGAL DUNIA DI SEOUL SELAMAT DIKEBUMIKAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/05/jenazah-rakyat-sarawak-meninggal-dunia-di-seoul-selamat-dikebumikan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/05/jenazah-rakyat-sarawak-meninggal-dunia-di-seoul-selamat-dikebumikan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/01/05/nur-haslinda-laid-to-rest-in-semariang-muslim-cemetery/">https://www.theborneopost.com/2024/01/05/nur-haslinda-laid-to-rest-in-semariang-muslim-cemetery/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/01/05/jenazah-nurhaslinda-selamat-dikebumikan-di-semariang/">https://www.tvsarawak.my/2024/01/05/jenazah-nurhaslinda-selamat-dikebumikan-di-semariang/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/nurhaslinda-abdullahs-burial-mourned-by-many/">https://www.newsarawaktribune.com.my/nurhaslinda-abdullahs-burial-mourned-by-many/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://dayakdaily.com/from-south-korea-to-kuching-nurhaslindas-body-finally-laid-to-rest/">https://dayakdaily.com/from-south-korea-to-kuching-nurhaslindas-body-finally-laid-to-rest/</a>	DAYAKDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>'MESKIPUN HIDUP SUSAH SAYA TETAP UTAMAKAN NUR DHIA QARLISA'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047367/meskipun-hidup-susah-saya-tetap-utamakan-nur-dhia-qarlisa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047367/meskipun-hidup-susah-saya-tetap-utamakan-nur-dhia-qarlisa</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>'MOGA ALLAH BERI KEKUATAN UNTUK SAYA JAGA 2 ANAK ISTIMEWA'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047550/moga-allah-beri-kekuatan-untuk-saya-jaga-2-anak-istimewa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047550/moga-allah-beri-kekuatan-untuk-saya-jaga-2-anak-istimewa</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>LAKSANA KURSUS UNTUK IBU BAPA, KAWAL PENGGUNAAN GAJET ANAK-ANAK</b>	
	<a href="https://selangorkini.my/2024/01/laksana-kursus-untuk-ibu-bapa-kawal-penggunaan-gajet-anak-anak/">https://selangorkini.my/2024/01/laksana-kursus-untuk-ibu-bapa-kawal-penggunaan-gajet-anak-anak/</a>	SELANGORKINI.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PEMERKASAAN WANITA SATU KERJASAMA, BUKAN SOAL DOMINASI</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemeriksaan-wanita-satu-kerjasama-bukan-soal-dominasi-452711">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemeriksaan-wanita-satu-kerjasama-bukan-soal-dominasi-452711</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>LELAKI DIBURU ROGOL BUDAK 9 TAHUN, ANAK MAJIKAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047343/lelaki-diburu-rogol-budak-9-tahun-anak-majikan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047343/lelaki-diburu-rogol-budak-9-tahun-anak-majikan</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PENDAM PERASAAN BOLEH SEBABKAN KEGANASAN RUMAH TANGGA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pendam-perasaan-boleh-sebabkan-keganasan-rumah-tangga-x8r6hr7">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pendam-perasaan-boleh-sebabkan-keganasan-rumah-tangga-x8r6hr7</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>DAKWA GANGGUAN SEKSUAL: PELAJAR SERET GURU KE MAHKAMAH</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/692181">https://www.malaysiakini.com/news/692181</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://mykmu.net/2024/01/05/pelajar-seret-guru-ke-mahkamah-atas-dakwaan-gangguan-seksual/">https://mykmu.net/2024/01/05/pelajar-seret-guru-ke-mahkamah-atas-dakwaan-gangguan-seksual/</a>	MYKMU.NET
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/692174">https://www.malaysiakini.com/news/692174</a>	MALAYSIAKINI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA  
MADANI

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>SOCIETY BRINGS YULETIDE CHEER TO 1,000 NEEDY CHILDREN AND SINGLE MOTHERS IN SENTUL</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/01/05/society-brings-yuletide-cheer-to-1000-needy-children-and-single-mothers-in-sentul">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/01/05/society-brings-yuletide-cheer-to-1000-needy-children-and-single-mothers-in-sentul</a>	THESTAR.COM.MY



## Jenazah rakyat Sarawak meninggal dunia di Seoul selamat dikebumikan

© 2024-01-05T18:43:14+08:00



Abdullah menabur bunga di pusara anaknya, Nur Haslinda di Tanah Perkuburan Islam Samariang, Kuching hari ini.

KUCHING: Jenazah rakyat Sarawak yang meninggal dunia di Seoul, Korea Selatan selamat dikebumikan sekitar jam 4 petang tadi di Tanah Perkuburan Islam Semariang, di sini.

Jenazah Nur Haslinda Abdullah, 30, tiba di Kompleks Raudhatul Sakinah, Kuching dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) untuk disembahyangkan pada jam 3.30 petang.

Upacara pengebumian jenazah kemudian dilaksanakan selepas solat jenazah di lokasi terbabit.

Beberapa orang sahabat, orang ramai yang mengenali arwah serta keluarga terdekat arwah hadir di tanah perkuburan itu bagi memberi penghormatan terakhir.

Terdahulu, arwah yang merupakan pekerja kilang di Korea sejak September 2023 dan meninggal dunia di hospital Cheonju pada 26 Disember 2023.

Ayah arwah, Abdullah Mat, 64 menyatakan ucapan penghargaan kepada rakyat Malaysia yang sudi menolong meringankan beban keluarganya membawa balik jenazah anaknya itu.

"Bantuan rakyat Malaysia banyak yang kami dapat dan itu adalah rezeki dari rakyat Malaysia sekali gus kami dapat membawa balik jenazah. Terima kasih rakyat Malaysia.

"Terima kasih juga kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Santubong, Dato Sri Nancy Shukri yang turut sama-sama membantu," katanya ketika ditemui di lokasi pengebumian.

Abdullah berkata, arwah sebelum itu pernah membuat panggilan ke atas abangnya untuk membeli tiket.

"Pada pagi 24 Disember lalu, arwah ada telefon dan menyuruh abangnya membeli tiket kerana arwah hendak balik disebabkan sakit.


"Namun pada sebelah malam kami dapat khabar duka bahawa dia telah meninggal dunia," katanya yang merupakan pesara Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menurut abang arwah, Abdul Hafiz Abdullah, 31, adiknya pernah menjalani pembedahan jantung berlubang, 10 tahun lalu selain mempunyai masalah asma.



## 'Meskipun hidup susah saya tetap utamakan Nur Dhia Qarlisa'

Hazira Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my



Norziana memangku anaknya, Nur Dhia Qarlisa ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Mia. FOTO Hazira Ahmad Zaidi

Kuala Krai: Biarpun berdepan ujian perlu menjaga anak menghidap Cerebral Palsy (CP) sejak lahir, namun ibu tunggal ini tetap tabah mengharungi dugaan itu selepas kematian suaminya lapan tahun lalu.

Norziana Che Daud, 37, menjaga anak kedua, Nur Dhia Qarlisa Mohd Al Muizzu, 11, bagai menatang minyak yang penuh malah tidak pernah membezakan kasih sayang dengan dua lagi anaknya yang berusia 10 dan 15 tahun.

Katanya, selepas suaminya, Mohd Al Muizzu Ismail meninggal dunia pada 2015 akibat serangan jantung, dia hanya mengharap bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 selain sumbangan daripada ahli keluarga dan saudara mara terdekat untuk membeli keperluan Nur Dhia Qarlisa serta perbelanjaan persekolahan dua anaknya.

"Saya tidak dapat keluar mencari rezeki kerana perlu menguruskan Nur Dhia Qarlisa yang menghidap CP dan memerlukan sepenuh penjagaan serta perhatian.

"Meskipun hidup susah, namun saya tetap akan mengutamakan keperluan Nur Dhia Qarlisa dan sesekali tidak akan mengabaikannya," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Mia.

Terdahulu keluarga berkenaan menerima kunjungan daripada Ketua Unit Media dan Komunikasi Kelab Kebajikan dan Sukarelawan Sosial (KELSS) Akidi Hamid.

Norziana berkata, Nur Dhia Qarlisa dilahirkan secara pembedahan ketika kandungan berusia tujuh bulan dan selama sebulan ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) sebelum dibenarkan pulang ke rumah.

"Selepas sebulan dilahirkan, doktor memberitahu Nur Dhia Qarlisa mempunyai simptom CP dan pada ketika itu saya dan arwah suami sudah reda, namun apa yang penting akan menjaga anugerah yang diberikan Allah SWT ini sebaik yang mungkin.

"Penyakit CP yang dihidapi juga menyebabkan anak saya tidak boleh bercakap selain tidak boleh berjalan dan segala keperluannya perlu diuruskan termasuk memberi makan, minum serta memandikannya," katanya.

Norziana berkata, menjaga serta mempunyai seorang anak yang menghidap penyakit saraf cukup menguji ketabahan serta kesabaran berikutan anak istimewa itu memerlukan penjagaan khusus.

"Saya sedar hakikat yang ditakdirkan Allah SWT apabila anak saya hanya berbaring di tilam selain tidak boleh bercakap dan hanya menggunakan isyarat mata atau menangis jika dia hendakkan sesuatu," katanya.

Katanya, setiap bulan dia perlu menyediakan sekurang-kurangnya RM600 untuk membeli keperluan Nur Dhia Qarlisa termasuk lampin pakai buang dan susu formula.

"Pada masa sama, saya perlu berulang sejauh 80 kilometer dari rumah ke Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai setiap bulan untuk membawa Nur Dhia Qarlisa menjalani rawatan fisioterapi dan setiap tiga bulan sekali perlu menghadiri temujanji berjumpa pakar bagi mengetahui perkembangan tahap kesihatannya," katanya.

Orang ramai yang mahu membantu boleh menyalurkan bantuan menerusi akaun Bank Islam bernombor 03-072-02-218034-8 atas nama Norziana Che Daud atau boleh menghubunginya di talian 018-9007477.



## 'Moga Allah beri kekuatan untuk saya jaga 2 anak istimewa'

Hazira Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my



Shamsiah menjaga anak keduanya, Ahmad Faiz Mohd Yusof, 34, yang dikategorikan sebagai OKU ketidakupayaan fizikal ketika ditemui di Kampung Sungai Budor. FOTO  
Hazira Ahmad Zaidi

Kota Bharu: Dalam kedaifan dan sisa kudrat yang ada, Shamsiah Mohamed, 60, tidak pernah mengeluh dan cecak menguruskan dua anak lelakinya berstatus orang kurang upaya (OKU).

Wanita itu yang kematian suami lima tahun lalu berkata, dia akan menjaga Ahmad Faiz Mohd Yusof, 34, (OKU ketidakupayaan fizikal) dan anak ketiganya, Ahmad Hafizi, 32, (OKU lembam).

"Mujurlah ada anak bongsu yang membantu menjaga kedua-dua abangnya. Ahmad Faiz perlu diuruskan sepenuhnya manakala Ahmad Hafizi pula mampu menguruskan diri sendiri, namun perlu dipantau.

"Ahmad Faiz sebelum ini membesar seperti kanak-kanak normal, namun ketika berusia setahun setengah dia terjatuh dan mengalami kecederaan di bahagian kepala.

"Kesan daripada pembedahan menyebabkan dia hilang keseimbangan badan untuk berjalan sehingga terlantar dan perlu bergantung sepenuhnya pada orang lain.

"Lebih membimbangkan, Ahmad Faiz juga kerap diserang sawan sekurang-kurangnya dua kali sehari dan disebabkan keadaan itu, dia tidak boleh ditinggalkan bersendirian," katanya.

Ibu kepada lapan anak ini berkata, bagi meneruskan kelangsungan hidup, dia menjual barangan runcit di Pasar Gok Kapur hampir setiap hari bermula jam 3 petang hingga 7 malam.

"Pendapatan yang diperoleh tidak menentu bergantung kepada pelanggan iaitu diantara RM30 hingga RM50 sehari.

"Anak-anak bukan dalam kalangan orang yang senang dan sebolehnya tidak mahu menyusahkan mereka kerana masing-masing mempunyai tanggungjawab selain sudah berkeluarga.

"Mujurlah Ahmad Faiz menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan manakala Ahmad Hafizi pula memperoleh RM300 yang digunakan untuk membeli keperluan mereka," katanya.

Katanya, apa yang diharapkannya sekarang ialah supaya sentiasa diberi kesihatan yang baik oleh Allah SWT untuk terus menjaga kedua-dua anak istimewanya itu.

Orang ramai yang ingin meringankan beban keluarga itu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Agrobank di nombor 2-00-6591-00144621-4 atas nama Shamsiah Mohamed.



EXCO Kebajikan Anfaal Saari menyampaikan hadiah utama persembahan kostum animasi terbaik kepada adik Mohammad Syer Aziz Hakim Mohammad Arif ketika Sambutan Hari Cerebral Palsy (CP) Sedunia 2023 anjuran Gabungan Anak-anak Palsi Serebrum (GAPS) di The Barn, Tamarind Square, Cyberjaya, Sepang pada 7 Oktober 2023.  
Foto REMY ARIFIN/SELANGORKINI

## Laksana kursus untuk ibu bapa, kawal penggunaan gajet anak-anak

by Norrasyidah Arshad · January 5, 2024 3:13 pm

SHAH ALAM, 5 JAN: Hampir 200 penerima Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar dan Skim Bantuan Tadika Selangor akan menjalani kursus pengendalian digital dalam mendidik anak-anak.

EXCO pemberdayaan wanita dan keluarga berkata program dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi mengawal ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak.


“Mengikut perancangan, program berlangsung enam siri (secara berperingkat di setiap daerah) dan setiap daripadanya melibatkan 30 peserta.

“Pakar LPPKN akan memberi pendedahan penggunaan digital dalam mendidik anak-anak. Ada kanak-kanak ketagih gajet dan kita kongsi cara mengendalikannya,” katanya Anfaal Saari kepada Selangorkini.

Beliau berkata kerangka ekonomi penjagaan juga akan diterbitkan tahun ini bagi memudahkan orang ramai mendapat rujukan, sekali gus mampu memartabatkan hala tuju sektor.

Oktober tahun lalu, Dato’ Menteri Besar menjelaskan Selangor bakal menubuhkan enakmen berhubung sektor berkait penjagaan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Menurut Dato’ Seri Amirudin Shari, langkah itu bagi memperkasa dan melibatkan wanita dalam pembangunan negeri, selain menjadi dasar menyelaras pusat jagaan sedia ada demi keselamatan.



## Pemerksaan wanita satu kerjasama, bukan soal dominasi

Maitha Abdoullah  
Januari 5, 2024 04:30 MYT



Sharifah Syahirah menjelaskan pemerksaan wanita bukanlah tentang dominasi, sebaliknya menjalin kerjasama bagi melahirkan generasi masa depan yang lebih baik. - Foto LinkedIn/Sharifah Syahirah SS

**KUALA LUMPUR:** Kerjasama antara golongan lelaki dan wanita dalam aspek pemerksasaan adalah satu pelaburan untuk membina generasi pemimpin negara.

Dekan Institute of Graduate Studies, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Prof Madya Dr Sharifah Syahirah Syed Sheikh berkata, konsep kapitalis yang mengklasifikasikan pekerjaan sebagai penjana pendapatan, membuatkan status suri rumah itu tidak dipandang seperti seleyaknya.

"Apabila berkahwin, apabila ada anak, itulah tugas utama seorang wanita, status paling baik adalah di rumah. Ini adalah satu perkara yang tidak salah tetapi ianya kurang tepat kerana ia telah melonggokkan semua pekerjaan kepada wanita dan merugikan kepakaran dalam bidangnya.

"Kalau kita cakap tentang pemerksaan wanita, kena pergi latihan, pergi kerja tetapi anak, letaklah di mana-mana. Apa kata kita ubah sedikit dengan memperkasakan kaum lelaki juga untuk buat kerja rumah, jadi apabila dia balik rumah, dia bersama dengan isteri melakukan kerja-kerja rumah.

"Kita sayangkan negara, kita mahu kedua-dua pakar yang telah berkahwin dan mendirikan rumah tangga ini keluar, beri kepakaran itu kepada negara juga," katanya.

Mengulas lanjut, Sharifah Syahirah menjelaskan, pemerksaan wanita bukanlah tentang dominasi, sebaliknya menjalin kerjasama bagi melahirkan generasi masa depan yang lebih baik dalam membina negara yang berdaya saing di masa depan.

Kerjasama itu, jelasnya, termasuklah dalam isu pembangunan dan pelaksanaan polisi yang lebih tersusun dan bersasar.

"Apabila kita mempunyai perspektif daripada pemimpin wanita, mereka melihat perkara ini lebih serius contohnya laporan Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) yang telah menandatangani dan kita pun sudah hantar pada tahun 2022 laporan yang keenam, kita perincikan masalah dan juga polisi kita, apa yang kerajaan akan lakukan dan sedang lakukan.

"Kita juga ada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ini memang betul-betul lihat pada aspek keselamatan wanita dan insan, kanak-kanak juga dan golongan terpinggir seperti gadis muda di kawasan luar bandar ataupun golongan rentan.

"Apabila kita mempunyai polisi yang lebih teliti, banyak yang kita boleh ubah," ujarnya ketika menjadi tetamu program Dialog Tiga Penjuru bertajuk Andalan 2024: Mengisi Yang Tertinggal Dan Terlepas, pada Khamis.

Turut serta sebagai tetamu ialah Profesor Madya Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Prof Madya Ts Dr Jessica Ong, serta Pengarah BowerGroupAsia, Arinah Najwa.

Dalam pada itu, Dr Jessica dan Arinah senada bahawa apabila berkata polisi yang sedia ada sudah mencukupi, namun menegaskan aspek implementasi adalah masalah utama yang perlu ditangani dalam meneruskan agenda pemerksaan wanita.


"Polisi memang sudah ada dan cukup, duit pendanaan dan banyak peluang cuma implementasi yang perlu diperbaiki. Langkah seterusnya ialah melihat apakah keupayaan mereka, dari satu segi, pendapatan bukan saja isu wanita tapi lelaki juga, ia isu dasar perindustrian.

"Apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia supaya bebanan boleh dipikul bersama, supaya lelaki dapat pertolongan, boleh bayar anak masuk tadika. Kalau kos kehidupan tinggi, wanita yang kena berkorban.

"Kalau saya tak ada pendapatan, buat apa nak fikir isu kesaksamaan jantina? Jadi kena fikir bagaimana nak tingkatkan pendapatan secara am. Apa sokongan yang boleh diberi kerajaan bagi membantu mereka tingkat keupayaan mendapatkan ekosistem yang lebih baik," kata Arinah.

"Kita ada dasar yang bagus, tetapi implementasi masih tak cukup gah. Kita kata 30 peratus wanita sebagai penggubal dasar, tetapi sekarang kita hanya jadi pelaksana.

"Dalam bidang profesional sebagai pelaksana tetapi tidak diberi peluang sebagai penggubal dasar, kalau ada pun sangat sedikit," tambah Dr Jessica.



## Lelaki diburu rogol budak 9 tahun, anak majikan

Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki memperkosa kanak-kanak berusia sembilan tahun yang juga anak majikannya di Jinjang di sini, bulan lalu.

Perbuatan suspek berusia 20-an terbongkar selepas kanak-kanak itu menceritakan kejadian itu kepada keluarganya, Selasa lalu.

Menurut sumber, suspek yang bekerja dengan ibu mangsa dikatakan melakukan perbuatan itu pada pertengahan bulan lalu dan hanya diketahui keluarga selepas mangsa menceritakannya baru-baru ini.

"Keluarganya kemudian membawa mangsa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menerima rawatan.

"Mangsa yang trauma kemudian dibawa ke Balai Polis Jinjang sebelum laporan polis dibuat Selasa lalu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

"Usaha mengesan suspek yang melarikan diri sedang dijalankan," katanya.

Disiarkan pada: Januari 5, 2024 @ 11:23am



## Pendam perasaan boleh sebabkan keganasan rumah tangga

Profesor Dr Mohd Aziz dari fesor Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkata individu yang selalu memendam perasaan, akan lebih mudah mengalami masalah psikologi dalaman, yang boleh menyebabkan masalah keganasan rumah tangga.

Januari 5, 2024 12:35 MYT



## Dakwa gangguan seksual: Pelajar seret guru ke mahkamah

Hidir Reduan Abdul Rashid  
Diterbitkan: Jan 5, 2024 9:10 AM - Dikemaskini: 9:10 AM

Seorang pelajar sebuah sekolah berasrama penuh di Selangor menyeret seorang guru yang juga jurulatih hoki ke mahkamah atas dakwaan melakukan gangguan seksual terhadap kanak-kanak berusia 13 tahun itu empat tahun lalu.

Plaintif, yang kini berusia 17 tahun, memfailkan saman pemula terhadap guru bahasa Melayu berusia 38 tahun itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada November 2022.

Memandangkan kes saman ini melibatkan pelajar bawah umur, pihak-pihak yang terlibat tidak dinamakan kerana menjaga sensitiviti.

Menurut kenyataan tuntutan yang dilihat oleh *Malaysiakini*, dia mendakwa guru tersebut melakukan gangguan itu sebanyak dua kali pada 2019.



Berhubung kejadian pertama yang didakwa sekitar jam 9 pagi pada Nov tahun itu, remaja berkenaan mendakwa guru terbabit memanggilnya ke bilik sukan sekolah dengan alasan untuk berbincang prestasinya dalam hoki.

Dia mendakwa ketika guru itu memulakan perbincangan, jurulatih itu kemudian tiba-tiba menggunakan telefon pintarnya untuk mengambil gambarnya, dengan alasan dia adalah kapten hoki.

Remaja itu mendakwa guru itu kemudian mengarahkannya untuk mengambil beberapa posisi dan gaya semasa dia merakam gambar, termasuk untuk dia menghadapnya serta berulang kali membuka dan menutup mata serta mulutnya.

Dia mendakwa dia berasa terpaksa akur untuk mematuhi arahan guru itu merakam foto yang tidak pernah dipersetujuinya.

### Hantar mesej WhatsApp

Ini termasuk arahan dia membelakangi guru itu sambil membongkokkan badan ke hadapan dan tangannya bersandar pada sebuah kabinet manakala guru terbabit mengambil gambarnya dari arah belakang.

Plaintif mendakwa kejadian kedua berlaku kira-kira jam 9.30 malam pada bulan Disember pada musim cuti sekolah, apabila guru itu secara tiba-tiba menghantar mesej WhatsApp kepadanya semasa dia berada di rumah dan mengarahkannya merakam beberapa gambar dirinya.

Pelajar itu mendakwa defendan itu mengarahkannya untuk mengambil gambarnya dalam pelbagai posisi dan gaya, termasuk merangkak serta dia berulang kali diarahkan guru terbabit membuka dan menutup mata dan mulut semasa berbaring.



Dia mendakwa perkara ini berlaku sehingga awal jam 3 pagi, dengan guru berkenaan didakwa berulang kali menghantar mesej mengarahkannya untuk merakam gambar dan menghantar gambar itu kepadanya sehingga dia berpuas hati.

Dakwa pelajar itu dia kemudiannya merasakan kepatuhan (*submissiveness*), terikat dan terpaksa akur untuk mematuhi arahan lelaki itu untuk memadam semua mesej WhatsApp serta gambar yang dia rakam pada telefon bimbitnya.

Di samping ibu dan abangnya yang selaku plaintif bersama (bapanya telah meninggal dunia pada 2020), pelajar itu berhujah arahan berunsur seksual guru itu sama dengan cubaan untuk menormalkan kejadian ini dan merupakan pengantunan (*groom*) terhadapnya.

Dia mendakwa seurus selepas dua insiden yang dikatakan pada 2019, dia mendapat tahu beberapa ahli pasukan hokinya juga telah menerima arahan berbentuk seksual yang sama daripada guru itu.



Dia mendakwa, sekitar Januari 2020, guru itu sekali lagi menghubunginya semasa dia sakit di rumah dan meminta dia merakam gambar dirinya dengan alasan untuk memastikan keadaannya.

Bagaimanapun, dia berkata dia menolak arahan tersebut, menyebabkan guru itu memadamkan mesej berkenaan.

Dia berkata kemudian pada Februari tahun yang sama, seorang pelajar perempuan sekolah berasrama penuh yang sama juga telah membuat laporan berhubung dakwaan gangguan seksual oleh guru terbabit.

Dakwa pelajar itu lagi, dia mengambil masa sehingga Disember 2021 sebelum dia menangis di hadapan abangnya ketika mereka berdua berjalan dari rumah mereka ke kedai serbaneka, apabila dia memberitahunya tentang apa yang berlaku.

### Trauma, tekanan emosi

Pelajar itu menjelaskan bahawa keluarganya kemudian berulang kali mengadakan beberapa pertemuan dengan beberapa pihak sekolah, yang didakwa mengaku tentang perbuatan gangguan seksual guru terbabit tetapi gagal mengambil tindakan sewajarnya terhadapnya.

Dia mendakwa berikutan kejadian itu, dia mengalami trauma, kejutan saraf dan/atau tekanan emosi yang teruk.

Ini termasuk insomnia, menyalahkan diri sendiri, hilang keyakinan diri, perubahan selera makan, hilang minat dalam aktiviti harian dan kecenderungan untuk menjadi agresif terhadap perkara remeh.

### Pengetua, menteri turut disaman

Melalui saman mahkamah ini, dia menuntut ganti rugi am, khas, teruk dan teladan daripada bukan sahaja guru itu tetapi sepuluh defendan lain.


Sepuluh pihak lain yang disaman ialah pengetua sekolah, empat guru penolong kanan sekolah, seorang guru disiplin, pengarah pendidikan Selangor, menteri pendidikan ketika kejadian dan Kementerian Pendidikan, serta kerajaan persekutuan.

Sementara itu dalam pernyataan pembelaannya, guru tersebut menafikan dakwaan melakukan gangguan seksual terhadap pelajar berkenaan, menunjukkan dia mempunyai saksi alibi untuk membuktikan dia tidak pernah memanggilnya ke bilik sukan sekolah.

Dia juga menafikan pernah menghantar sebarang mesej WhatsApp kepada pelajar itu yang dianggap sebagai gangguan seksual.

Firma guaman Faizal Rahman & Co mewakili gadis itu dan keluarganya.

Firma guaman Khairul Anan & Partners pula mewakili guru itu manakala defendan lain diwakili oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).



## Society brings Yuletide cheer to 1,000 needy children and single mothers in Sentul

METRO NEWS

Friday, 05 Jan 2024



Kennedy (seated second from right) celebrating with the participants at the Miracle Chapel Mission Centre in Sentul.

PERSATUAN Komuniti ELShaddai Kuala Lumpur members fed about 1,000 poor children and single mothers at its Miracle Chapel Mission Centre in Sentul, Kuala Lumpur.

People from all walks of life were feted at the grand luncheon by one of the oldest soup kitchens in the country.

This was made possible through the sponsorship of their patrons Puan Sri Betty Saw, Lexis Group of Hotels president Datuk Mandy Chew, GSI Group of Companies' Datuk Robert and Datin Shelah Basker, Shenpen Malaysia, Philippines BTV and ELShaddai Co-Workers.

The children and single mothers were entertained with fun and laughter, as three Santa Clauses made their appearance. There were singing and dancing too.

In a statement, the soup kitchen founder Ivan Kennedy said the celebration showed that there were still people who loved and cared for the less fortunate.

"Each child received a party pack, schoolbag with RM20 ang pow and stationery. The single mothers received 10kg rice bags, rations and a RM50 ang pow.

"Everyone received a pack of chicken briyani cooked by the members," he said, adding that it was "an honour to feed the less fortunate".

Kennedy said their primary activity was the soup kitchen, which fed about 250 children and 250 single mothers every week.

"Back in 1915, the chapel members fed the poor with boiled tapioca and milk. During the Japanese Occupation, its members served rice, fresh cow's milk and noodles. Now, it's chicken briyani every week."

They also run old folk's homes and ELShaddai shelters and give dry rations to about 200 families every month, relying on public donation and profits from selling fruitcakes and cookies throughout the year to do so.

"We spend RM20,000 on our programmes and to run the homes. We will be grateful for donations in cash and kind," he said.



TAJUK : BELASAH ISTERI DEK SURAT NIKAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## WANITA CEDERA

# BELASAH ISTERI DEK SURAT NIKAH

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Ampang Jaya

Gal mendapat surat nikah menjadi punca seorang lelaki memukul isterinya hingga cedera di beberapa bahagian badan di kediaman mereka di Taman Bukit Teratai di sini.

Ketua Polis Daerah Am-

pang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata kejadian berlaku selepas lelaki terbabit mahu mendapatkan surat nikah mereka yang disimpan isterinya itu.

Beliau berkata, susulan kejadian itu, isterinya berusia 23 tahun yang tidak bekerja membuat laporan polis pada jam 11 malam 27 Disember lalu.

"Suspek berusia 24 tahun memukul mangsa menggu-


nakan tangan sehingga mengalami kecederaan pada beberapa bahagian badan mangsa.

"Hasil pemeriksaan pegawai perubatan mendapati mangsa mengalami kecederaan tisu lembut pada bahagian kaki, tangan dan muka.

"Susulan itu, polis menahan suspek pada jam 12.15 tengah hari kelmarin di Jalan Teratai 2/3 Taman Bukit Teratai," katanya, semalam.

Beliau berkata, hasil ujian air kencing ke atas suspek mendapati negatif dadah, tetapi pemeriksaan mendapati suspek mempunyai satu rekod lampau dadah.

"Permohonan reman suspek di Mahkamah Ampang dibenarkan hingga Sabtu ini. Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga," katanya.



TAJUK : IBU TUNGGAL TABAH JAGA ANAK HIDAP CP SEJAK LAHIR

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 JAN 2024

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Ibu tunggal tabah jaga anak hidap CP sejak lahir

**Kuala Krai:** Biarpun berdepan ujian perlu menjaga anak menghidap Cerebral Palsy (CP) sejak lahir namun Norziana Che Daud, 37, tetap tabah mengharungi dugaan selepas kematian suaminya lapan tahun lalu.

Norziana menjaga anak kedua, Nur Dhia Qarlisa Mohd Al Muizzu, 11, bagi menatang minyak yang penuh, malah tidak pernah membezakan kasih sayang dengan dua lagi anaknya yang berusia 10 dan 15 tahun.

Katanya, selepas suaminya, Mohd Al Muizzu Ismail meninggal dunia pada 2015 akibat serangan jantung, dia hanya mengharapkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 selain sumbangan daripada ahli keluarga dan saudara-mara terdekat untuk membeli keperluan Nur Dhia Qarlisa serta perbelanjaan persekolahan dua anaknya.

"Saya tidak dapat keluar

mencari rezeki kerana perlu menguruskan Nur Dhia Qarlisa yang memerlukan sepenuh penjagaan serta perhatian. Meskipun hidup susah, namun saya tetap akan mengutamakan keperluan Nur Dhia Qarlisa dan sesekali tidak akan mengabaikannya," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Mia.

Terdahulu keluarga itu menerima kunjungan Ketua Unit Media dan Komunikasi Kelab Kebajikan dan Sukarelawan Sosial (KELSS) Akidi Hamid.

Norziana berkata, Nur Dhia Qarlisa dilahirkan secara pembedahan ketika kandungan berusia tujuh bulan dan selama sebulan ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) sebelum dibenarkan pulang ke rumah.

"Selepas sebulan dilahirkan, doktor memberitahu Nur Dhia Qarlisa mempunyai simptom CP dan pada ketika itu saya dan arwah


suami reda namun apa yang penting menjaga anugerah yang diberikan Allah SWT ini sebaik yang mungkin.

"Penyakit CP dihadapi juga menyebabkan anak saya tidak boleh bercakap selain tidak boleh berjalan dan segala keperluannya perlu diuruskan termasuk memberi makan, minum serta memandikannya," katanya.

Orang ramai yang mahu membantu boleh menyalurkan bantuan menerusi akaun **Bank Islam bernombor 03-072-02-218034-8 atas nama Norziana Che Daud atau hubungi di talian 018-9007477.**



NORZIANA memangku Nur Dhia Qarlisa ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Mia. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI



TAJUK : LELAKI TERGAMAK NODA ANAK MAJIKAN 9 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 6 JAN 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Lelaki tergamak noda anak majikan 9 tahun

**Kuala Lumpur:** Madu dibalas tuba. Itu yang berlaku apabila seorang lelaki tergamak memperkosa anak majikannya yang masih kecil di Jinjang di sini.

Bagaimanapun perbuatan suspek berusia 20-an terbongkar selepas kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun itu menceritakan kejadian itu kepada keluarganya Selasa lalu.

Menurut sumber, suspek yang bekerja dengan ibu mangsa dikatakan melakukan perbuatan itu pada

**“Keluarganya kemudian membawa mangsa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menerima rawatan”**

pertengahan bulan lalu dan hanya diketahui keluarga selepas mangsa menceritakannya, baru-baru ini.

“Keluarganya kemudian membawa mangsa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) menerima rawatan.

“Mangsa yang trauma kemudian dibawa ke Balai Polis Jinjang sebelum laporan polis dibuat pada Selasa lalu,” katanya.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan siasatan sedang dijalankan.

